

## Media Monitoring

Publication: **Berita Baik**

Circulation/Audience: **8,300**

Date: **20 July 2023**

Reference: **Ekuiti Nasional**

Headline: **Shahril Ridza dilantik Pengerusi baharu Ekuinas**

(Page 1 of 2)



# Shahril Ridza dilantik Pengerusi baharu Ekuinas

zahrin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) berkuat kuasa 18 Julai 2023.

Raja Arshad adalah pengerusi pertama firma ekuiti persendirian (PE) berkaitan kerajaan itu sejak penubuhannya pada 2009.

Raja Arshad akan digantikan oleh Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan, yang kini adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuinas.

Ekuinas berkata, di bawah perkhidmatan Raja Arshad, jumlah portfolio pelaburan terkumpul Ekuinas terdiri daripada 42 syarikat melalui pelaburan langsung dan pengurus dana penyumberan luar.

Ia katanya mewakili portfolio terpelbagai dan bertenaga merentasi pelbagai sektor strategik, dengan jumlah modal yang digunakan melebihi RM5.1 bilion.

"Beberapa pelaburan masa lalu dan semasa Ekuinas termasuk APIIT Education Group, Tenby Schools, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd, ICON Offshore dan Orkim Sdn Bhd," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

## Media Monitoring

Publication: **Berita Baik**

Circulation/Audience: **8,300**

Date: **20 July 2023**

Reference: **Ekuiti Nasional**

Headline: **Shahril Ridza dilantik Pengerusi baharu Ekuinas**

*(Page 2 of 2)*

Sementara itu, Raja Arshad pula berkata, peluang bersama Ekuinas adalah satu perjalanan yang penting.

"Saya berbesar hati dan bertuah kerana telah bekerja bersama ahli lembaga pengarah serta membimbing pasukan profesional yang luar biasa mencipta nilai dalam perniagaan dan syarikat portfolio yang dilaburkan.

"Saya bangga dengan pencapaian Ekuinas dan percaya ia akan terus maju di bawah kepimpinan Shahril Ridza," katanya.

Shahril Ridza dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuinas pada 1 Oktober 2022.

Beliau kini adalah Pengerusi Axiata Group Bhd dan Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd serta Ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Kuala Lumpur Kepong Bhd.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir merakamkan penghargaan di atas sumbangan Raja Arshad dan teruja untuk bersama pengerusi baharu demi masa depan syarikat.

"Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Raja Arshad atas sumbangannya yang luar biasa dalam membentuk Ekuinas menjadi organisasi yang dihormati seperti hari ini.

"Kami berharap dapat bekerjasama rapat dengan Shahril Ridza dan memanfaatkan pengalaman luas dan pandangan strategik beliau," katanya.

© New Straits Times Press (M) Bhd